

# Anwar jadi saingan hebat Datuk Haji Suhaimi

KUALA LUMPUR, Sabtu — Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia, Datuk Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddiin, akan hanya memutuskan bertanding mempertahankan jawatannya apabila 90 peratus Bahagian Pergerakan mengadakan persidangan perwakilan masing-masing.

Pada masa ini kira-kira 50 peratus Bahagian telahpun mengadakan persidangan masing-masing dan dijangka berakhir sebulan sebelum Persidangan Agung, September depan.

Datuk Haji Suhaimi berkata, setelah 90 peratus Bahagian mengadakan persidangan masing-masing, beliau akan mengkaji dari setiap sudut sebelum membuat keputusan.

“Sekiranya Pergerakan Pemuda UMNO berkehendakkan, saya sedia bertanding sekali lagi.

“Kalau mereka sudah memikirkan saya tidak diperlukan, saya akan patuh juga.”

Bekas Pemimpin ABIM, Encik Anwar Ibrahim, dijangka menjadi saingan hebat pertandingan tersebut sekiranya kedua mereka bertanding.

Kedua tokoh tersebut telah dicalonkan oleh berbagai Bahagian Pergerakan untuk bertanding jawatan tersebut.

Datuk Haji Suhaimi juga menjelaskan, beliau akan meminta nasihat dari veteran-veteran UMNO sebelum membuat keputusan.

Datuk Haji Suhaimi menyokong cadangan pindaan perlembagaan yang hanya membenarkan ahli-ahli UMNO yang menjadi ahli UMNO lebih lima tahun sahaja menduduki Majlis Tertinggi UMNO.

Datuk Haji Suhaimi berkata, ini penting untuk membolehkan mereka ahli Majlis Tertinggi menganungi mereka yang matang dalam politik UMNO.

Katanya, memandangkan Majlis Tertinggi adalah badan tertinggi dalam parti, ahli-ahlinya mestilah mereka yang benar-benar matang dan tahu selok belok UMNO.

Cadangan tersebut akan dibahaskan di dalam Persidangan Agung UMNO, September depan.